

NO. SOALAN: 172

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN)

SOALAN :

Datuk Juslie bin Ajirol (Libaran) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelaksanaan konsep wakaf korporat oleh agensi amanah dan juga GLC bertujuan mewujudkan saham syarikat berdaya maju dalam skim wakaf yang khusus diamanahkan milik umat Islam sebagai strategi penting untuk memastikan aset dan nilai kekayaan umat Islam dalam masa jangka panjang kekal di tangan ummah.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera Bil. 1/2015 yang telah diadakan pada 9 Januari 2015 telah meluluskan pelaksanaan Wakaf Korporat oleh Yayasan Waqaf Malaysia, iaitu sebuah agensi pemegang amanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan

Persekutuan pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

Wakaf korporat yang diperkenalkan oleh Yayasan Waqaf Malaysia ini merupakan suatu skim wakaf yang kumpulan dananya melebihi RM50 juta, disumbangkan oleh pelbagai pihak, diuruskan oleh badan yang diiktiraf sah oleh semua Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. Dana digunakan untuk mewujudkan dan membangunkan aset kekal di mana manfaatnya boleh disalurkan atau membantu kepada permulaan dan peningkatan aktiviti ekonomi atau sosial ummah.

Bagi tujuan tersebut, sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia sebagai dana permulaan pelaksanaan wakaf korporat yang akan digunakan sebagai modal pembangunan hartanah wakaf sedia ada atau pewujudan aset wakaf baru. Hasil daripada pemilikan pembangunan ini kelak akan ditukarkan kepada Majlis Agama Islam Negeri yang berkenaan (selaku pemegang amanah tunggal hartanah wakaf di negeri masing-masing) melalui penjualan sijil wakaf manakala Yayasan Waqaf Malaysia akan diberi hak mengurus harta-harta tersebut.

Oleh itu adalah diharapkan, pelaksanaan wakaf korporat ini secara langsung membantu memastikan nilai aset bukan kewangan umat Islam dapat ditingkatkan sekaligus aset dan nilai kekayaan umat islam dalam masa jangka panjang kekal di tangan umat Islam.

Sekian, terima kasih.